



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 22 OKTOBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	SEKTOR PERTANIAN DAPAT PERUNTUKAN LEBIH BESAR, ONLINE, HAKAH DAILY ASEAN COMMITTED TO IMPROVING GUARANTEED FOOD SUPPLY TO REDUCE COVID-19 IMPACT MALAYSIA, ONLINE, MARTINTFWONG	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3.	MAQIS RAMPAS EMPAT KONTENA MAKANAN HAIWAN DARI CHINA, NEGERI PERAK, KEDAH, PULAU PINANG, SINAR HARIAN -24	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4. 5.	RAIH RM7,000 SEBULAN JUAL IKAN LAGA, DALAM NEGERI, UM -30 320 BUBU NAGA DIRAMPAS, DALAM NEGERI, UM -29	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6.	SEAMEQ BINA KILANG BAHARU TINGKAT PENGELUARAN, BISNES SINAR, SINAR HARIAN -30	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
7.	SEGERA BATAL PERATURAN PPN 1983, DALAM NEGERI, UM -31	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
8.	FAMA BANTU PESERTA KELUAR GARIS KEMISKINAN, PANTAI TIMUR, HAKAH - N14	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
9. 10. 11. 12.	DULU WARTAWAN, KINI PETANI, DALAM NEGERI, UM -31 LADANG TIN FELDA SUNGAI TENGI SELATAN, K2, KOSMO -19 BUAH TIN MASUI DAUPHINE PRODUKTIF SEPANJANG TAHUN, K2, KOSMO, -20 BUAH TIN ANTARA BUAH DISEBUT DI DALAM AL-QURAN, K2, KOSMO -21	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/10/2020	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Sektor pertanian dapat peruntukan lebih besar



rakyat.

"Alhamdulillah peringkat awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sektor pertanian yang menghasilkan bekalan makanan berjalan lancar.

"Rakyat tidak menghadapi masalah untuk mendapat bekalan makanan dan ia dapat diagihkan sebaik mungkin," ujarnya selepas melawat penternakan arnab di Kampung Buluh Poh Ketereh dekat sini, semalam.

Hadir sama anggota Exco kerajaan negeri Ustaz Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail.

Che Abdullah juga berkata, hasil kecekapan kerajaan mengurus sektor pertanian menghasilkan bekalan makanan negara yang mencukupi bagi keperluan rakyat. – HARAKAHDAILY 21/10/2020

KOTA BHARU: Kerajaan dijangka menyediakan peruntukan agak besar berbanding sebelum ini memandangkan industri pengeluaran makanan penting ketika menghadapi pandemik Covid-19.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Dato' Che Abdullah Mat Nawi berkata, peruntukan tersebut akan dibentang pada Belanjawan 2021 yang dijangka November ini.

Katanya menjadi tanggungjawab kementerian terbabit mempertingkatkan bekalan makanan bagi keperluan

Asean committed to improving guaranteed food supply to reduce Covid-19 impact | Malaysia



People shopping for fresh meat and produce at a wet market in Petaling Jaya March 25, 2020. – Picture by A PUTRAJAYA, Oct 21 – Asean countries have unanimously stated their commitment to improving guaranteed food supplies in the region in an effort to reduce the impact of Covid-19 on the region's population.

The Ministry of Agriculture and Food Industry (MAFI) said in a statement that the commitment was voiced at the 42nd Asean Ministerial Meeting on Agriculture and Forestry (AMAF) that was attended by its Minister, Datuk Seri Ronald Kiandee, via video conference today.

The 20th AMAF Plus Three and the 6th Asean-India Ministerial Meeting on Agriculture and Forestry (AIMMAF) meetings were also held today.

MAFI said Asean countries also shared information, initiatives and substantive issues that have been implemented to improve the economy, health, welfare and security of citizens in their respective countries throughout the pandemic.

Malaysia also stated the government's commitment to strengthen the economy and to tend to the welfare of its citizens through the Prihatin Rakyat Economic Stimulus Package and the National Economic Recovery Plan (Penjana). -- Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/10/2020	SINAR HARIAN	NEGERI PERAK, KEDAH, PULAU PINANG	24

Maqis rampas empat kontena makanan haiwan dari China

BUTTERWORTH - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) berjaya mematahkan cubaan membawa masuk empat kontena produk keluaran pertanian dari China di pintu masuk Pelabuhan Kontena Butterworth Utara (NBCT) di sini pada Isnin lalu.

Pengarahnya, Zarina Ramli berkata, makanan gluten jagung yang digunakan sebagai makanan haiwan didapati tidak mempunyai sebarang dokumen import permit sah dalam pemeriksaan yang dilakukan pada jam 4.53 petang itu.

Menurutnya, barang dagangan seberat 112,000 kilogram (kg) dianggarkan bernilai RM211,777.16 itu disita untuk tindakan selanjutnya.



Produk makanan gluten jagung dari China yang dirampas di pintu masuk Pelabuhan Kontena Butterworth Utara (NBCT) Isnin lalu.

MAQIS

- Memainkan peranan agar industri pertanian negara bebas daripada ancaman penyakit, perosak dan bahan cemar.
- Memastikan bahan makanan diimport dan dieksport, mematuhi aspek kesihatan manusia, haiwan dan tumbuhan.
- Membantu pengeksport dalam hal berkaitan laluan pasaran dan pematuhan syarat-syarat negara pengimport.



“Hasil siasatan mendapati pengimportan makanan gluten jagung dalam bentuk serbuk bertujuan untuk diproses menjadi makanan haiwan untuk dipasarkan di dalam dan luar negara.

“Kegagalan mengemukakan import permit yang sah semasa pengimportan adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3), Akta yang sama,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Zarina berkata, jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

22/10/2020

UTUSAN
MALAYSIA
DALAM NEGERI

30

Raih RM7,000 sebulan jual ikan laga

Oleh **JAMLIH ABDULLAH**
utusannews@mediamulia.com.my

PENDANG: Seorang tukang masak mampu meraih pendapatan RM7,000 sebulan hasil jualan ikan laga hiasan yang diusahakannya secara sambilan sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid-19, Mac lepas.

Mohd. Kaizar Moktar, 38, berkata, permintaan ikan laga itu didapati tinggi di pasaran sejak pelaksanaan PKP sehingga sekarang.

Katanya, dia juga membuka sebuah kedai ikan laga untuk memudahkan pelanggan melihat dan membeli ikan hiasan itu.

"Saya tidak sangka sejak PKP Mac lalu, permintaan ikan laga hiasan daripada pelanggan adalah luar biasa.

"Sebab itu saya buka kedai untuk tempatkan lebih banyak


ikan laga," katanya ketika ditemui di premisnya, Jadd Betta House di Kampung Alor Pundi di sini semalam.

Mohd. Khaizar yang juga tukang masak di Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar di sini berkata, dia menternak kira-kira 10,000 ikan laga hias dari pelbagai spesies termasuk *halfmoontails*, *yellowtails* dan *crowntails*.

Katanya, ikan laga spesies tersebut dijual pada harga antara RM25 hingga RM350 seekor.

Menurutnya, dia mempelajari selok belok penternakan ikan hiasan itu dengan bimbingan Jabatan Pertanian negeri dan pengalamannya sejak mementeri bidang itu ketika kecil.

"Saya biak-ikan laga ini sendiri menggunakan baka seadanya. Sekarang saya tengah biak jenis avatar yang induknya dari Indonesia," katanya.



MOHD. KAIZAR MOKTAR menunjukkan spesies ikan laga yang paling laris di premis Jadd Betta House, Kampung Alor Pundi, Pendang, Kedah, semalam.

320 bubu naga dirampas

BACHOK: Jabatan Perikanan Kelantan dengan kerjasama Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga Pengkalan Kubor merampas 320 unit bubu naga bernilai RM49,400 menerusi Op Bersepadu di seluruh jeti pendaratan ikan di negeri ini.

Operasi tiga hari bermula 18 Oktober lalu itu melibatkan seramai 26 kakitangan jabatan berkenaan dan anggota PPM Wilayah Tiga Pengkalan Kubor.

Pengarah Perikanan negeri, Nazri Ishak berkata, sepanjang operasi berkenaan, pihaknya memeriksa 420 bot milik nelayan tempatan.

Katanya, lokasi pemeriksaan ialah di jeti dan sampan nelayan tradisional di negeri ini.

"Bubu naga yang dirampas kini disita di Pangkalan Perikanan Kelantan di Tawang sebelum tindakan melupus peralatan

menangkap ikan itu dijalankan.

"Nelayan tradisional sering menggunakan peralatan ini yang boleh mengancam populasi benih ikan. Penguatkuasaan dan larangan menggunakan bubu naga berasaskan kepada Pekeliling Bilangan 5 di bawah Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985," katanya di sini semalam.

Yang hadir sama Pegawai Memerintah PPM, Wilayah Tiga Pengkalan Kubor, Asisten Superintenden Mohd. Rudzuan Ahmad.

Menurut Nazri, bubu yang dilesenkan tidak boleh mempunyai lebih daripada dua injap setiap unit.

Katanya, nelayan tradisional wajib mematuhi peraturan kerana penggunaan bubu tanpa lesen merugikan mereka apabila sumber ikan kepuhutan.



NAZRI Ishak (dua dari kanan) memeriksa bubu naga yang disita di Pangkalan Perikanan Kelantan di Tawang, Bachok, Kelantan, semalam. - UTUSAN/TOREK SULONG

SEAmEQ bina kilang baharu tingkat pengeluaran

Mampu membuka peluang pekerjaan baharu khususnya bagi anak tempatan

Oleh FARAH SHAZWANI

Pengeluar produk makanan berasaskan ikan jenama SEAmEQ, Maperow Sdn Bhd memperluaskan empayar perniagaannya dengan pembinaan kilang baharu bernilai RM1.5 juta di Serada, Kuala Terengganu.

Kilang memprosesan keropok segera itu yang dijangka siap menjelang tahun depan, bukan sahaja mampu memenuhi permintaan tinggi bagi keropok segera dalam pasaran, malah ia akan membuka peluang pekerjaan baharu khususnya bagi anak tempatan.

Pengurus Pemasaran dan Perhubungan Awam Maperow Sdn Bhd, Nurfarzana Tajul Arifin berkata, buat masa ini, syarikat itu mengeluarkan kira-kira 55,000 bungkus keropok segera sehari, bagaimanapun ia masih tidak mampu menampung permintaan tinggi dalam pasaran.

"Kita harapkan pembinaan kilang memproses keropok segera ini dapat meningkatkan kapasiti pengeluaran syarikat kepada 80,000 ke 90,000 bungkus sehari.

"Sekarang ini, kerja-kerja pembinaan dan pembaikan sedang rancang berjalan. Kita jangkakan ia siap dan dapat beroperasi sepenuhnya pada tahun depan," katanya ketika ditemui di Ibu Pejabat Maperow Sdn Bhd di Tok Jiring, Kuala Nerus, Terengganu.

Selain ibu pejabat, syarikat itu turut mempunyai lima cawangan lain iaitu kilang keropok dan isi ikan di Tok Jiring, gudang SEAmEQ di Padang Air, kilang keropok di Gong Badak dan Chendering serta kilang isi ikan di Gong Badak.

Inovasi keropok pelbagai perisa
 Bercerita tentang



Nurfarzana menunjukkan sebahagian daripada produk keluarannya dan sijil pengiktirafan yang diperolehi.

produk keluarannya, Nurfarzana berkata, selain menghasilkan keropok lekor rebus dan goreng, keropok keping, sos cili dan rempah ikan bakar, syarikat itu memfokuskan kepada pengeluaran keropok segera yang kini mempunyai variasi 10 perisa.

Selain keropok segera perisa original, SEAmEQ turut mengeluarkan perisa lada hitam, bawang putih, keju, kari dan BBQ.

Inovasi pelbagai perisa itu dimulakan sejak tahun 2015 bagi memenuhi permintaan pasaran, di samping mengambil kira peredaran semasa.

Gasdis yang berusia 22 tahun dan masih menuntut di Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Nerus ini menambah, tunjang utama di sebalik kejayaan produk SEAmEQ ini adalah hasil usaha keras ayahnya, Tajul Arifin Mohd Rashid, 60, yang juga Presiden syarikat serta ibunya, Wan Azizah Wan Hassan, 55.

"Ayah sebelum ini hanya dagangan iaitu membantu orang menjual ikan, sebelum membuka perniagaannya sendiri pada tahun 1982 dengan modal RM500, sebelum membuka cabang perniagaan kepada menjual ikan dan isi ikan pada tahun 2000.

"Pada tahun 2008, mereka memperluaskan perniagaan kepada cabang baharu iaitu penjualan keropok lekor, keping dan vacum sebelum mula menjual keropok segera dengan sos disertakan dalam paket bermula 2010.

"Keropok segera ini menjadi hit pada tahun 2012 apabila kita mempromosikannya sebagai cen-

derahati untuk majlis perkahwinan, selain dipopularkan oleh peniaga Pasar Besar Kedai Payang yang sering menjadi tumpuan pelancong dalam dan luar negara," katanya.

Beliau turut bersyukur kerana sepanjang perjalanan SEAmEQ di pasaran, agensi-agensi kerajaan seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) banyak membantu dalam memastikan survival produk berkecaraan.

Tembusi pasaran luar negara menjelang 2025

Produk SEAmEQ mula memasuki pasaran luar Terengganu sejak 2012 dan kini mempunyai lebih 100 orang ejen dan stokis di seluruh negara.

Buat masa ini katanya, produk SEAmEQ sudah memasuki pasaran luar negara melalui ejen-ejen, bagaimanapun Nurfarzana optimis mampu menembusi pasaran luar negara secara serius menjelang 2025.

"Pendapatan tahunan kini mencecah antara RM20 juta ke RM30 juta setiap tahun, namun tahun ini agak terjejas susulan pandemik coronavirus (Covid-19).

"Namun begitu, kami masih optimis dan yakin dalam memenuhi tahun yang mencabar ini. Sekarang ini, kita akan memfokuskan kepada memperbaiki lagi kualiti produk dan memberikan servis yang lebih baik kepada pelanggan setia kami," katanya.



Melayani pelanggan yang datang membeli keropok segera.



Nurfarzana bersama adik dan pekerjaannya di Gudang SEAmEQ yang terletak di Tok Jiring, Kuala Nerus, Terengganu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/10/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

Segera batal peraturan PPN 1983

KUANTAN: Kerajaan dirayu membatalkan segera Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (PP) 1983 (Pindaan) 2019.

Cadangan pembatalan peraturan yang diwartakan pada 22 April 2019 dan berkuat kuasa 1 Mei tahun lalu berkenaan sebelum ini diumumkan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee.

Bagaimana pun, Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Raub, Datuk Mustaffar Kamal Ab. Hamid berkata, sehingga kini masih tiada arahan daripada Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) selaku pendaftar PP untuk berbuat demikian.

"PPK Raub merayu kerajaan khususnya Menteri Pertanian dan Industri Makanan supaya dapat segera mengeluarkan arahan pembatalan dan menarik balik peraturan berkenaan.

"Seluruh ahli PPK menantikan tindakan itu segera dilaksanakan kerana usul membatalkan peraturan berkenaan telah diluluskan semua Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) tahun lalu," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Ronald mengumumkan pembatalan peraturan itu pada Majlis Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan di Kuala Lumpur pada 6 Ogos lalu.

Ia bagi mengembalikan kuasa memilih kepemimpinan peladang diserahkan kembali kepada ahli peladang sendiri seperti mana peraturan terdahulu.

Mustaffar Kamal berkata, penarikan balik dan pembatalan Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (PP) 1983 (Pindaan) 2019 penting bagi mengatasi kekangan yang dihadapi oleh PPK.

"Berikutan pemecatan empat AJP lantikan menteri terdahulu, PPK kini mempunyai tujuh AJP iaitu jumlahnya sama dengan korum tujuh orang.

FAMA bantu peserta keluar garis kemiskinan



Adun Gaal meneliti produk yang dikeluarkan peserta di bawah FAMA.

Oleh ZULKEFLI HUSSIN

PASIR PUTEH: Lembaga Pemasaran Pertanian Petsekutuan (FAMA) Kelantan membantu 10 peserta e-Kasih di kawasan Paslimen Pasir Puteh dan Machang.

Timbalan Pengarahnya, Mohd Hafiz Nurulhuda berkata, peralatan berkenaan berupa mesin termasuk penubancuh (acuan) serta peti sejuk untuk menghasilkan pelbagai produk tradisional dan moden.

Katanya, sumbangan pelbagai peralatan tersebut bagi menambahkan pendapatan peserta yang bernilai lebih RM100,000.

"Bantuan tersebut diharap dapat mengeluarkan mereka daripada garis kemiskinan,"

katanya selepas majlis penyampaian bantuan peralatan kepada Norita Jusof di sini Selasa lepas.

Bantuan berkenaan disampaikan Adun Gaal, Mohd Rodzi Jaafar.

Mohd Hafiz berkata, sebelum ini seramai 210 peserta e-Kasih dari seluruh Kelantan menerima bantuan serupa sejak 2013.

Menurutnya daripada jumlah itu seramai 100 peserta sudah terkeluar dari garis kemiskinan.

"FAMA sentiasa mementau permintaan mereka bagi dalam tempoh tiga tahun bagi memastikan setiap peserta benar-benar aktif,"

Sementara itu Norita berkata, bantuan peralatan itu

digunakan untuk menambahkan pengeluaran serbuk Asam Boi.

Katanya, beliau merancang memperluaskan pasaran produk berkenaan sehingga ke Singapura.

"Selama ini saya hanya mengusahakan produk itu secara kecil-kecilan di rumah dan memasarkan di kedai-kedai berdekatan Kampung Kemal," katanya yang juga seorang armalah.

Menurutnya, juga beliau berhasrat untuk mengeluarkan pelbagai lagi produk termasuk popia frozen, cik mek frozen dan serunding ikan.

Beliau juga menyewa sebuah kedai di Bandar Pasir Puteh untuk dijadikan kilang bagi mengeluarkan pelbagai produk.

22/10/2020

UTUSAN DALAM NEGERI

31

MALAYSIA

Dulu wartawan, kini petani

Oleh ISWAN SHAFIQ ISA
Lutusanews@mediamulla.com.my

TASEK GELUGOR: Bersusah-susah dahulu, bersenang-senang kemudian. Itulah pegangan seorang bekas wartawan penyiaran selepas memilih meninggalkan kerjaya popular itu demi mengejar impiannya menjadi seorang petani berjaya.

Khairul Amin Ahmad, 32, yang juga pemegang Diploma Komunikasi Massa dari Kolej Universiti Han Chiang di Georgetown percaya keputusan nekadnya kira-kira lima tahun lalu itu mula membuahkan hasil walaupun terpaksa menempuh pelbagai onak dan rintangan sepanjang tempoh berkenaan.

Ketika ini, Khairul Amin mengusahakan pelbagai tanaman sayuran seperti bayam, kangkung, sawi dan bendi di kebun seluas kira-kira tiga hektar.

Antara pengalaman pahit yang masih berbekas di hatinya sehingga kini adalah pernah mengalami kerugian sehingga RM20,000 selepas projek tanaman sayur-sayuran yang dituakannya di sini musnah ketika banjir besar melanda Pulau Pinang tiga tahun lalu.

Pada masa sama, bapa kepada dua cahaya mata itu juga terpaksa bergelut menguruskan tanaman selepas kadar pengeluarannya pernah berkurangan sehingga hampir lima kali ganda.

Katanya, dia pernah mem-



KHAIRUL Amin Ahmad menunjukkan sebahagian daripada sayur bayam yang ditanai di kebunnya yang terletak berhampiran Kampung Aman di Tasek Gelugor, Pulau Pinang baru-baru ini.

peroleh hasil hanya sekitar 200 kilogram (kg) sehari untuk tempoh empat bulan pertama penanaman kawalan pergerakan (PKP) gara-gara Covid-19 berbanding kadar pengeluaran biasa iaitu kira-kira 1,000 kg sehari atau sekitar 25 tan sebulan.

Pun begitu, di sebalik segala dugaan yang melanda, Khairul Amin masih mampu tersenyum kerana keuntungan bersih yang dijanaanya ketika ini tinggi iaitu sehingga RM15,000 sebulan bergantung kepada harga

semasa sayur-sayuran di pasaran.

"Saya sebenarnya bermula dengan kosong dalam bidang ini, namun saya cekalkan hati untuk terus belajar terutama daripada abang ipar saya yang lebih berpengalaman."

"Pada masa sama, saya juga banyak belajar daripada pekebun lain yang lebih berpengalaman termasuk taukeh Cina yang bertindak sebagai pemborong kepada sayur-sayuran yang saya jual sebelum ini," katanya kepa-

da *Utusan Malaysia*. Menurut Khairul Amin, pengalaman pertamanya dalam bidang pertanian dan perladangan ialah membantu abang iparnya menguruskan sebuah ladang kelapa sawit seluas kira-kira satu hektar.

Katanya, ketika itu, dia belajar untuk menguruskan jumlah pekerja yang ramai sebelum diberi peluang menggunakan kebun sayur-sayuran berbekalkan wang simpanan sendiri berjumlah hampir RM15,000.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/10/2020	KOSMO	K2	19

**Menyelami
Hidup Anda**

K2

KHAMIS 22/10/2020

Ladang tin Felda Sungai Tengi Selatan

SYARIKAT Alfa Bercheg Sdn. Bhd. yang mengusahakan tanaman buah tin di Felda Sungai Tengi Selatan, Kuala Kubu Bharu. Sekarang ini mengimpikan untuk menjadikan kawasan Felda tersebut sebagai sumber buah tin dunia.

Kosmo!

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/10/2020	KOSMO	K2	20



SITI FATIMAH memetik buah-buah tin yang sudah matang di Felda Sungai Tengli Selatan, Kuala Kubu Bharu, Selangor.



Rencana Utama
Oleh FARID AHMAD TARMUJI

Buah tin Masui Dauphine produktif sepanjang tahun

DARI jauh kelihatan kelibat seorang pemuda yang memegang peralatan semburan dan menyembur baja ke bahagian daun pokok berdekatan.

Menjadi rutin harian buat pemuda itu, Hafiz Asraf Hassan untuk menyembur baja ke daun-daun tersebut bagi memastikan pokok-pokok buah tin yang ditanamnya subur berkembang.

"Pokok buah tin ini perlu dijaga dengan baik bagi memastikan buah yang bermutu tinggi dapat dihasilkan.

"Hari-hari saya perlu memastikan pokok-pokok buah tin yang ditanam ini berada dalam keadaan terurus," katanya kepada K2 di tapak projek dikenali sebagai Gedung Makanan Negara itu di Felda Sungai Tengli Selatan, Kuala Kubu Bharu, Selangor baru-baru ini.

Kebiasaannya, seawal pukul 7 pagi setiap hari, Hafiz Asraf yang merupakan pengurus operasi Afta Benefits Sdn. Bhd. (Afta Benefits), sebuah syarikat yang mengusahakan penanaman tin akan berada di tapak projek itu untuk menjalankan tugasnya.

Di situ dia bukan hanya sekadar memantau tanaman, malahan dia juga bertanggungjawab untuk menyemai anak-anak pokok dan memetik buah-buah yang sudah matang untuk dipasarkan.

Afta Benefits telah melibatkan diri dalam penanaman buah tersebut setelah melihat potensi pasaran buah tin yang begitu baik.

Pengurus jualan dan pemasarannya,

INFO
Ladang Tin Felda Sungai Tengli Selatan

- Dilusahkan oleh Afta Benefits Sdn. Bhd.
- Mempunyai lebih 1,200 pokok buah tin
- Ditanam di dalam tiga buah Rumah Perlindungan Hujan
- Sehari sebanyak 15 kilogram (kg) hingga 20kg buah tin dipetik dari pokok
- Buah tin berbuah sepanjang tahun

Siti Fatimah Sha'ari menjelaskan, setiap tahun Malaysia mengimport sekitar satu juta tan buah tin.

"Permintaan buah tin di negara ini cukup tinggi. Atas sebab itu kami mengambil keputusan untuk terlibat dalam bidang penanaman buah ini bermula pada awal tahun 2019.

"Tidak ramai mengusahakan penanaman buah tin di negara ini bagi memenuhi permintaan di pasaran," katanya.

Buah tin atau nama saintifiknya *Ficus carica* lazimnya ditanam di kawasan Asta Barat.

Terdapat pelbagai jenis pokok buah tin dan buat masa ini Afta Benefits memilih untuk menanam buah tin dari jenis Masui Dauphine yang banyak ditanam di negara Jepun.

Siti Fatimah menjelaskan; buah tin daripada jenis tersebut bukan sahaja lebih produktif dan bersaiz lebih besar bahkan harganya apabila dijual masih



BUAH tin yang ditanam turut diproses untuk penghasilan produk-produk niliran seperti jus dan lain-lain.

dalam kategori mampu milik. Menurutinya, harga untuk sekilogram buah tin Masui Dauphine adalah pada kadar RM80.

"Di ladang ini kami menanam lebih 1,200 pokok buah tin di tiga buah rumah perlindungan hujan (RPH).

"Setiap hari sebanyak 15 hingga 20 kilogram buah tin yang telah matang dipetik dari pokok yang sudah berbuah," jelasnya.

Untuk sebuah RPH, keluasannya adalah 12,000 kaki persegi (1,115 meter

persegi) dan boleh menempatkan sebanyak 420 pokok buah tin.

"Buah tin ini bukan tumbuhan bermusim dan akan berbuah sepanjang tahun. Setlap RPH ini berbeza waktu penanamannya bagi membolehkan kami mempunyai bekalan buah tin ini sepanjang tahun.

"Selalunya selepas empat bulan penanaman, buah tin ini sudah boleh dipetik dan tempoh untuk memetik buah tin ini boleh dilakukan selama dua bulan," jelas Siti Fatimah.



HAFIZ ASRAF menyambur baja pada daun pokok buah tin.

Dalam pada itu, Siti Fatimah menerangkan, sebenarnya pokok buah tin ini mudah untuk ditanam dan membesar.

Agropelancongan

Penanaman di dalam RPH membolehkan pokok itu tidak terdedah kepada hujan.

"Jika cuaca selalu hujan, keadaan itu sebenarnya boleh memberi kesan kepada daun dan pokok.

"Bagi memastikan pokok-pokok buah tin yang ditanam sentiasa berada dalam keadaan baik, kami turut melakukan kerjasama dengan Universiti Malaysia Perlis dalam membangunkan teknologi ladang pintar," tegasnya.

Menurutnya, sebelum ini tanaman buah tin tersebut telah diusahakan di Janda Baik, Pahang dengan menggunakan satu RPH sahaja.

Memandangkan permintaan terhadap buah tin yang diterima mereka

amat memberangsangkan, Siti Fatimah menjelaskan mereka kemudiannya telah mengusahakan tanaman tersebut di Gedung Makanan Negara yang terletak di Felda Sungai Tenggi Selatan sejak September tahun lalu bagi menambah lagi pengeluaran.

Siti Fatimah yang juga merupakan anak jati Felda Sungai Tenggi Selatan menegaskan, ladang yang mereka usahakan itu turut berkonsepkan agropelancongan yang mana para pengunjung boleh datang dan memetik buah segar lalu makan secara terus dari pokok.

"Ini akan memberikan pengalaman berharga bagi orang ramai untuk mengenali dengan lebih dekat tentang buah tin dari segi penanaman, khasiat dan nilai kebaikannya yang tinggi.

"Hasrat kami untuk menempatkan Felda Sungai Tenggi Selatan yang harmoni ini sebagai salah satu pusat agropelancongan," jelasnya.

Dalam pada itu, pada Jun lalu, ladang



TANAMAN buah tin diusahakan di dalam rumah perlindungan hujan (RPH).

tersebut telah menerima kunjungan Pengerusi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda), Datuk Seri Idris Jusoh bersama pihak pengurusan tertinggi yang lain.

Siti Fatimah berkata, beliau (Idris) amat gembira melihat hasil tanaman buah tin ini yang diusahakan sendiri dengan kepakaran tempatan iaitu anak Felda sendiri.

"Oleh yang demikian, beliau menyarankan kami agar mengembangkan lagi tanaman ini supaya menjadi pengeluar buah tin segar terbesar di dunia. Beliau meminta untuk kami menggandakan tanaman buah tin dari 1,200 pokok sedia ada sekarang kepada 10,000 pokok.

"Hasrat beliau adalah selari dengan visi dan misi kami untuk menjadikan Felda Sungai Tenggi Selatan ini sebagai santuari buah tin dunia," jelasnya.

Tambah Siti Fatimah, pihaknya dalam fasa untuk bekerjasama dengan Felda bagi menjadikan ladang buah

tin di Felda Sungai Tenggi Selatan ini sebagai santuari buah tin dunia dengan menanam 300 jenis buah tin yang dilengkapi pusat agropelancongan seperti kedai, galeri, nurseri dan pusat informasi buah tin.

Setakat ini ladang itu telah menerima kedatangan banyak pelancong dari serata Malaysia termasuk dari Singapura dan Brunei.

Dalam pada itu, Siti Fatimah menjelaskan, pihaknya turut menghasilkan produk-produk hiliran berasaskan buah tin seperti buah tin kering, teh daun tin, jem buah tin, jus kesihatan buah tin untuk dipasarkan.

"Untuk menghasilkan produk-produk ini kami mendapat bantuan daripada penduduk Felda sendiri. Penduduk Felda di sini yang membantu kami memproses buah tin menjadi produk hiliran.

"Ini sedikit sebanyak membolehkan mereka menjana pendapatan tambahan," katanya.

Buah tin antara buah disebut di dalam al-Quran

BAGI mereka yang mendalami dan membaca al-Quran sudah semestinya akan terjumpa dengan ayat-ayat yang menceritakan tentang beberapa jenis buah.

Buah tin antara salah satu buah yang disebut di dalam kalam Allah iaitu di dalam surah At-Tin.

Buah ini serta daunnya kaya dengan nutrien dan menawarkan pelbagai manfaat kepada kesihatan.

Berdasarkan laporan daripada portal kesihatan Healthline, buah tin boleh membantu melancarkan lagi pencernaan dan mengurangkan risiko pelbagai penyakit.

"Buah tin kaya dengan nutrien seperti zink dan vitamin B6. Zink adalah mineral penting yang terlibat dalam beberapa proses dilakukan tubuh badan meliputi metabolisme, penghasilan tenaga serta pembentukan sel darah dan tisu.

"Vitamin B6 pula adalah komponen

utama yang diperlukan untuk membantu tubuh menguraikan protein makanan dan mencipta protein baharu.

"Ini juga memainkan peranan penting untuk kesihatan minda," jelas laporan tersebut.

Dalam pada itu, berdasarkan kajian juga, kebaikan lain yang terdapat pada buah tin adalah dapat membantu mengatasi masalah pencernaan seperti sembelit.

Buah tin mempunyai kandungan serat yang tinggi. Ini dapat membantu meningkatkan pencernaan dengan melembutkan najis sekali gus mengurangkan masalah sembelit.

"Satu kajian dilakukan terhadap 150 orang berhadapan dengan sindrom iritasi usus dan sembelit mendapati, dengan pengambilan kira-kira empat biji buah tin kering seberat 45 gram dua kali sehari dapat mengurangkan gejala tersebut," jelas laporan itu.



BUAH tin mengandungi serat yang tinggi sekali gus baik untuk proses pencernaan dalam tubuh manusia.